

02/03/1997

Mandela lawat Malaysia Khamis ini

KUALA LUMPUR: Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela akan melakukan lawatan negara yang pertama ke Malaysia selama lima hari bermula Khamis ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra semalam, Mandela akan diiringi teman wanitanya, Puan Graca Machel, rombongan 30 pegawai dan 85 wakil sektor swasta Afrika Selatan.

Aturcaranya termasuk menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pertemuannya dengan Dr Mahathir akan bertumpu kepada isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama," menurut Wisma Putra.

Mandela dijangka menyampaikan ucapan dasar di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar mengenai `Afrika Selatan Dan Malaysia -Satu Wawasan Bersama Menuju Abad Ke-21' dan satu lagi di Forum Perniagaan Afrika Selatan-Malaysia.

Mandela juga menyampaikan ucapan pada jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan.

Beliau dijadualkan melawat kilang Proton di Shah Alam, Menara Kembar KLCC dan Pulau Langkawi.

Sementara itu, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) berkata, forum perniagaan berkenaan diadakan bertujuan menggalakkan kerjasama perniagaan dan ekonomi antara kedua-dua negara.

Acara itu dianjurkan bersama oleh Asli, Suruhanjaya Tinggi Afrika Selatan, Persatuan Selatan-Selatan Malaysia, Majlis Perniagaan Afrika Selatan-Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan. - Bernama

(END)